

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]**  
**TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah peruntukan/perbelanjaan penggunaan aplikasi MySejahtera bagi pendaftaran vaksinasi dan info berkaitan pandemik COVID-19 kepada orang ramai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk makluman semua, penambahbaikan kepada sistem MySejahtera melibatkan peruntukan berjumlah RM19.4 juta yang merangkumi:

- a) Penambahan Perkakasan bagi Peningkatan Sistem Pengurusan Vaksin (VMS) Berasaskan Teknologi *Blockchain*;
- b) Pendaftaran vaksinasi MySejahtera (*Google Map and Places Application Programming Interface (API)*);
- c) Chatbot *Knowledge Driven Syntactic Parsing Intelligence (KRISPI)*;
- d) Perolehan *load balancer* bagi pangkalan data ketiga PICK;
- e) Sistem Dashboard Bersepadu COVID-19; dan
- f) Penjana Sijil Digital Vaksin (*Vaccine Digital Certificate*) dalam MySejahtera. Sekian, terima kasih.